

KERATAN AKHBAR

Kerajaan sasar pertumbuhan produktiviti buruh 2.9 peratus

Peratusan dapat dicapai melalui peluang kerja dengan gaji, upah tinggi

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan menyasarkan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 2.9 peratus di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata peratusan itu akan dicapai melalui penyediaan peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji dan upah yang tinggi serta meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita.

Justeru, katanya, KEMAS hendaklah memperkuuhkan program kemahiran seperti pendidikan kemahiran jahitan, masakan, kraf tangan, dandan diri dan pendidikan literasi komputer.

"Program kemahiran ini dilaksanakan melalui 3,532 kelas kemahiran pelbagai bidang disertai seramai 52,632 peserta."

"Seiring kematangan hampir enam dekad penubuhan KEMAS hendaklah melaksanakan usaha berterusan menyokong aspirasi negara melaikirkan modal insan berkemahiran yang berkualiti," katanya sempena Perhimpunan Perdana Sambutan Hari KEMAS bersama lebih 4,000 anggota KEMAS dan Pemaju Masyarakat di MAEPS, Serdang, semalam.

Teks ucapan perasmian beliau di-



[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

bacakan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Minta tambahan peruntukan

Sementara itu, Rina berkata, kementeriannya sedang berbincang untuk meminta tambahan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Selepas berakhir RMKe-11 tahun depan, katanya, kementerian akan memfokuskan kepada beberapa lagi keperluan asas rakyat sebagai kelangsungan RMKe-12.

Justeru beliau berkata, untuk lima tahun seterusnya kementerian mahu menyejeraan pembangunan infras-

truktur di luar bandar dan menggiatkan inisiatif membangunkan modal insan.

"Maka sudah pasti kita harapkan pertambahan peruntukan kepada kementerian di bawah RMKe-12 dan ia kini dalam proses perbincangan.

"Kementerian mahu mempercepatkan pembangunan luar bandar ini termasuk dengan memberikan kemudahan asas dan ia perlu disegerakan.

"Fokusnya keperluan asas dan modal insan kerana itu teras keusahawanan turut ditekankan supaya jurang pendapatan kepompong kemiskinan di luar bandar dengan rakyat di bandar dapat didekati menerusi pendidikan dan keusahawanan," katanya.

Bacaan ikrar
ketika Perhimpunan Perdana Sambutan Hari KEMAS bersama lebih 4,000 anggota KEMAS dan Pemaju Masyarakat di MAEPS, Serdang, semalam.